

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	09 DECEMBER 2016

Mahathir kecewa

Sinar Harian - 9/12/2016

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad me-luahkan kekecewaannya susulan pembatalan undangan ke istiadat melafazkan dan menandatangani sumpah jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan timbalan baginda pada 13 Disember ini.

Pengerusi Bersatu itu ber-kata, beliau telah pun memberi maklum balas kehadiran ter-hadap jemputan yang dihantar kepadanya 10 November lalu.

Namun, katanya, pada 6 Disember beliau menerima surat daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja yang memaklumkan pembatalan undangan tersebut.



MAHATHIR

“Saya jawab saya akan hadir kerana saya anggap acara ini sebagai acara nasional yang tidak ada kaitan dengan mana-mana parti politik.

“Rupa-rupanya acara negara adalah sebahagian dari politik parti. Saya minta maaf

kerana membuat anggapan yang salah,” katanya dalam tulisan di blognya, semalam.

Sebelum ini, viral di media sosial mengenai undangan kepada Mahathir tersebut telah dibatalkan.

Surat tersebut telah di-alamatkan kepada pe-jabat Mahathir di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Dalam surat bertarikh 5 Disember itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja me-maklumkan bahawa pem-batalan undangan itu bagi mengelakkan ‘kesipuan’ (em-barrassment) kerana tia-da kerusi disediakan un-tuk Mahathir dalam istiadat berkenaan.